

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH KEDOKTORAN) 2024**

SUSUNAN KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah

- | | |
|---|---|
| 1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian | 3 |
| 2. Tafsiran | 3 |

**BAHAGIAN II
PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN**

- | | |
|--|---|
| 3. Program Akademik | 7 |
| 4. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti | 7 |
| 5. Calon Program Mobiliti | 8 |

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

- | | |
|------------------------------|---|
| 6. Pendaftaran sebagai Calon | 8 |
|------------------------------|---|

**BAHAGIAN IV
BAYARAN**

- | | |
|--|---|
| 7. Yuran dan Bayaran Lain | 9 |
| 8. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain | 9 |
| 9. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain | 9 |
| 10. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain | 9 |

**BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

- | | |
|---|----|
| 11. Tempoh Program Pengajian | 10 |
| 12. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum | 10 |
| 13. Penggantungan Program Pengajian Calon | 10 |

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM AKADEMIK

14. Struktur Program secara Penyelidikan dan secara Mod Campuran	10
15. Struktur Program secara Kerja Kursus	10
16. Struktur Program secara Klinikal	11

BAHAGIAN VII
SYARAT BAHASA

17. Syarat Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu	11
18. Syarat Bahasa Inggeris	12

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

19. Penilaian	12
20. Jawatankuasa Pemeriksa	12

BAHAGIAN IX
PENGIJAZAHAN

21. Syarat Pengijazahan	12
-------------------------	----

BAHAGIAN X
AM

22. Penamatan Pencalonan	13
23. Kuasa Senat Membuat Peraturan	13
24. Pengecualian Pemakaian	13
25. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti	13
26. Pembatalan	14

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH KEDOKTORAN) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010], Lembaga Pengarah Universiti membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I **PERMULAAN**

1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

- (1) Kaedah-Kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2024 dan hendaklah berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2024/2025.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua calon program pengajian Ijazah Kedoktoran yang diterima masuk sebelum dan pada Sesi Akademik 2024/2025 dan seterusnya.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (2), calon Sesi Kemasukan 2020/2021 dan sebelumnya akan terus tertakluk kepada syarat Program Akademik dan syarat Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2019.
- (4) Walau apa pun yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan (Ijazah Kedoktoran), kaedah pelaksanaan Ijazah Kedoktoran yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dengan dasar, polisi, garis panduan, prosedur atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:

“bidang pengajian” ertinya pengkhususan yang ditawarkan dalam sesuatu program akademik.

Nota:

Bidang pengajian hendaklah merujuk kepada bidang pengkhususan yang termaktub dalam Kod Pendidikan Nasional (NEC).

“bidang penyelidikan” ertinya perincian yang ditawarkan dalam sesuatu program akademik.

Nota:

Bidang penyelidikan hendaklah merujuk kepada bidang perincian di bawah bidang pengajian dalam Kod Pendidikan Nasional (NEC).

“bilik peperiksaan” ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

“bukan warganegara” ertinya bukan warganegara Malaysia termasuk yang berstatus pemastautin tetap;

"Bursar" ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

"calon" ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani program pengajian Ijazah Kedoktoran;

"Dekan Fakulti" ertinya Dekan Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Pengarah atau Ketua Akademi, Pusat, Sekolah atau Institut yang dilantik di bawah subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan;

“disertasi” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran secara Kerja Kursus dan secara Klinikal;

"Fakulti" ertinya mana-mana Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) Perlembagaan;

“Guru” ertinya seorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, guru klinikal, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, pembantu pengajar dan pensyarah bahasa;

“ijazah” ertinya Ijazah Kedoktoran Universiti;

"Jabatan" ertinya mana-mana jabatan pengajian Fakulti dan termasuk mana-mana bahagian pengajian Fakulti;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan calon dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau Peraturan-Peraturan yang berkenaan;

“kalendar pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Senat;

“Kemasukan secara Terus (*Fast Track*)” merujuk kepada laluan kemasukan bagi graduan Sarjana Muda yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian terus ke program Kedoktoran secara penyelidikan dengan memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 3.70.

“Keperluan dan Syarat” ertinya Keperluan dan Syarat Khas bagi Program Ijazah Kedoktoran Universiti Malaya yang perlu dibaca bersama dengan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2024 dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2024;

“Ketua Jabatan” ertinya Ketua mana-mana Jabatan pengajian Fakulti termasuk Pengerusi mana-mana bahagian pengajian Fakulti;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang calon bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan;

“kredit kira” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang calon bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK;

"kursus" ertinya satu unit pengajian, latihan atau latihan klinikal termasuk tetapi tidak terhad kepada kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik (e-pembelajaran), kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, latihan industri dan latihan ilmiah yang dijalankan sepanjang satu tempoh yang ditetapkan, yang menyumbang kepada kredit atau hasil pembelajaran sesuatu program pengajian;

"Naib Canselor" ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“Pembantu Pengajar” ertinya seorang guru yang dilantik oleh Universiti untuk membantu urusan pengajaran dan pembelajaran termasuk tetapi tidak terhad kepada *demonstrator*, Felo Penyelidik Pasca Doktorat, Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant*), dan Pembantu Pengajar Siswazah (*Graduate Teaching Assistant*).

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus, sebahagian daripada kursus itu atau tesis atau disertasi calon;

“Pemeriksa Luar” ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa tesis atau disertasi calon;

“Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

“Pengawas” ertinya pengawas dan termasuk ketua pengawas yang dilantik oleh Universiti daripada kalangan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti untuk mengawas peperiksaan program akademik;

“Penilai Luar Program / Pemeriksa Luar Program” ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Universiti untuk satu atau lebih program akademik;

“Penyelaras Program” ertinya seseorang yang dilantik oleh Dekan Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti untuk menyelaras sesuatu program akademik;

"Penyelia" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti dan Profesor Emeritus Universiti untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"Penyelia Bersama" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan Profesor Adjung, Profesor Kehormat, pensyarah pelawat, pakar, pengamal industri atau felo penyelidik yang dilantik oleh Universiti dan guru sepenuh masa dari Universiti/universiti lain untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010];

"Perunding" ertinya seseorang yang bukan guru yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan yang dilantik oleh Fakulti untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"program akademik" ertinya kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan serta gabungan kursus, atau latihan dan penyelidikan, yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk anugerah ijazah;

"program akademik secara Kerja Kursus" ertinya program akademik yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(c);

"program akademik secara Klinikal" ertinya program akademik yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(d);

"program akademik secara Mod Campuran" ertinya program akademik yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(b);

"program akademik secara Penyelidikan" ertinya program akademik yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(a);

"semester" ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik yang terdiri daripada semester biasa dan semester khas;

"Semester Biasa" ertinya Semester I atau Semester II seperti mana yang dinyatakan dalam Kalendar Pengajian;

"Semester Khas" ertinya semester yang tempohnya lebih pendek daripada Semester Biasa dan diadakan selepas Semester II;

"Semester lazim" ertinya sistem semester yang menggunakan 17 minggu pengajian. Sistem semester selain 17 minggu pengajian perlu menetapkan bilangan kredit minimum yang bersesuaian. (Kelulusan LPU 08.04.2021)

"Senat" ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 22(1) Perlembagaan;

"Sesi Akademik" ertinya tempoh pengajian sesuatu program akademik yang terdiri daripada dua (2) semester biasa dan semester khas yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Senat;

"Sesi Kemasukan" ertinya sesi bilamana seseorang calon diterima masuk ke sesuatu program pengajian;

"Tahun Kalendar" ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah 12 bulan (Januari – Disember);

"tempat pengajian" ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

"tesis" ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran secara Penyelidikan dan secara Mod Campuran;

"Timbalan Dekan Ijazah Tinggi" ertinya seseorang yang dilantik oleh Universiti sebagai Timbalan Dekan dan termasuk mana-mana Timbalan Pengarah yang bertanggungjawab bagi urusan program ijazah tinggi di Akademi, Fakulti, Pusat, Sekolah atau Institut;

"Universiti" ertinya Universiti Malaya;

"*viva voce*" ertinya salah satu komponen dalam program Ijazah Kedoktoran yang berbentuk peperiksaan lisan bagi calon mempertahankan tesis atau disertasi mereka. Komponen ini diadakan pada tahap terakhir dalam program pengajian setelah calon menyelesaikan kerja penyelidikan dan menyerahkan tesis atau disertasi bagi tujuan peperiksaan.

"warganegara" ertinya warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II **PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN**

3. Program Akademik

- (1) Program akademik Universiti boleh ditawarkan sebagai pengajian sepenuh masa atau separuh masa. Program akademik hendaklah diklasifikasikan seperti berikut:
 - (a) Program Kedoktoran secara Penyelidikan, iaitu program akademik yang dilaksanakan secara penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penghasilan tesis;
 - (b) Program Kedoktoran secara Mod Campuran, iaitu program akademik yang dilaksanakan secara gabungan kursus dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan tesis;
 - (c) Program Kedoktoran secara Kerja Kursus, iaitu program akademik yang dilaksanakan secara kursus sepenuhnya dan yang membawa kepada penghasilan disertasi; dan
 - (d) Program Kedoktoran secara Klinikal iaitu program akademik yang melibatkan latihan kepakaran klinikal dan yang membawa kepada penghasilan disertasi.
- (2) Berdasarkan mod pengajian yang dinyatakan di dalam subkaedah (1) di atas, tempoh lazim bagi pengajian sepenuh masa adalah tiga (3) tahun manakala bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim adalah empat (4) tahun.

4. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti

- (1) Setiap pemohon yang ingin mengikuti program pengajian kedoktoran hendaklah memenuhi syarat am seperti berikut:
 - (a) memperolehi Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Senat atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengan Ijazah Sarjana yang diterima oleh Senat;
 - (b) memenuhi keperluan dan syarat khas bagi program kedoktoran Universiti seperti mana ditetapkan di dalam Jadual 1, Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2024;
 - (c) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;

- (d) disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Klinik Universiti Malaya bahawa pemohon mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit atau apa-apa kecacatan anggota yang boleh mengganggu pengajian di Universiti;
 - (e) telah memenuhi semua keperluan imunisasi yang telah ditetapkan bagi program akademik secara klinikal dan bukan klinikal yang melibatkan *aktiviti klinikal; dan

*bagi maksud sub-kaedah (e) di atas, aktiviti klinikal adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Vaksinasi Universiti Malaya. (Kelulusan LPU 12.08.2021)
 - (f) membayar yuran tertentu.
- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Fakulti yang berkenaan serta memenuhi subkaedah (1) (c) hingga (f) di atas.
 - (3) Kemasukan bagi program pengajian kebiasaannya adalah pada permulaan Semester I atau Semester II setiap sesi akademik dan tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu semester dan sesi tertentu.

5. Calon Program Mobiliti

- (1) Calon Program Mobiliti merujuk kepada:
 - (a) Calon universiti/institusi luar yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu atau menjalankan penyelidikan bagi program akademik di Universiti, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah calon Universiti.
 - (b) Calon Universiti yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu atau menjalankan penyelidikan bagi program akademik di universiti/institusi luar, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit tertakluk kepada ketetapan universiti/institusi tersebut.
- (2) Permohonan mengikuti program mobiliti hendaklah atas budi bicara Dekan Fakulti.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

6. Pendaftaran sebagai Calon

- (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2024.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) adalah pelajar Universiti dan digelar calon program pengajian Ijazah. Nama calon tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga calon berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan calon tersebut layak dianugerahkan Ijazah atau sehingga atas

sebab tertentu calon tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti mengikut yang mana terdahulu.

- (3) Setiap calon yang telah mendaftar untuk mengikuti program pengajian yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti.
- (4) Mana-mana calon yang gagal mendaftar secara berterusan bagi tempoh dua (2) semester dengan Universiti akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) dan tertakluk kepada subkaedah (3), Senat boleh menggunakan budi bicaranya untuk menamatkan pendaftaran mana-mana calon pada bila-bila masa sekiranya Senat berpendapat calon tersebut tidak mampu meneruskan program pengajiannya. Nama calon tersebut hendaklah digugurkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan calon tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (5) ini adalah muktamad.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

7. Yuran dan Bayaran Lain

Calon hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2024.

8. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain

Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada calon.

9. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Calon hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

10. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Kegagalan seseorang calon menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan calon berkenaan:

- (1) dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan;
- (2) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkenaan, transkrip akademik dan skrol ijazah;
- (3) dihalang daripada menyerahkan tesis / disertasi untuk peperiksaan; dan/atau
- (4) dihalang daripada dikurniakan ijazah dalam Istiadat Konvokesyen.

BAHAGIAN V **TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

11. Tempoh Program Pengajian

Calon hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

12. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum

- (1) Tempoh minimum dan maksimum bagi program pengajian Ijazah Kedoktoran adalah seperti mana yang ditetapkan di dalam Jadual 1 dan Jadual 2 kepada Kaedah-Kaedah ini.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dalam keadaan tertentu Dekan Fakulti atau pegawai lain seperti mana yang ditetapkan oleh Universiti boleh melanjutkan tempoh pencalonan yang melampaui tempoh maksimum seperti mana yang ditetapkan dalam subkaedah (1) dengan syarat bahawa pelanjutan berkenaan tidak melebihi tempoh tiga (3) semester.

13. Penggantungan Program Pengajian Calon

Tempoh penggantungan program pengajian calon yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak diambil kira dalam tempoh maksimum program pengajian.

BAHAGIAN VI **STRUKTUR PROGRAM AKADEMIK**

14. Struktur Program secara Penyelidikan dan secara Mod Campuran

- (1) Bagi program akademik secara Penyelidikan, calon dikehendaki menjalankan penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penghasilan tesis. Walau bagaimanapun calon boleh disyaratkan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti atau Fakulti yang berkenaan.
- (2) Bagi program akademik secara Mod Campuran calon dikehendaki mengikuti program tersebut berdasarkan struktur program akademik dan menghasilkan tesis seperti mana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.
- (3) Penilai Luar Program bagi setiap program akademik yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Jawatankuasa Khas seperti yang dilantik oleh Senat yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan.

15. Struktur Program secara Kerja Kursus

- (1) Bagi program akademik secara Kerja Kursus, calon dikehendaki mengikuti program akademik secara kursus sepenuhnya dan menghasilkan disertasi.
- (2) Penilai Luar Program bagi setiap program akademik yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas

perakuan Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Senat seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan.

16. Struktur Program secara Klinikal

- (1) Bagi program akademik secara Klinikal, calon dikehendaki mengikuti program akademik latihan kepakaran klinikal dan menghasilkan disertasi.
- (2) Pemeriksa Luar Program bagi setiap program akademik yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Fakulti seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan.

BAHAGIAN VII **SYARAT BAHASA**

17. Syarat Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu

- (1) Calon warganegara sebelum dianugerahkan ijazahnya dikehendaki memperoleh sekurang-kurangnya:
 - (a) gred lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
 - (b) Peringkat III Sijil Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti atau di peringkat setaraf; atau
 - (c) lulus penilaian pengecualian Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Calon bukan warganegara dikehendaki menghadiri dengan memuaskan suatu kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Universiti sebelum dianugerahkan ijazahnya melainkan ia memperoleh sekurang-kurangnya:
 - (a) gred lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
 - (b) Peringkat III Sijil Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti atau di peringkat setaraf;
 - (c) gred lulus kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh Universiti; atau
 - (d) lulus penilaian pengecualian Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun yang diperuntukkan oleh subkaedah (1) dan (2) keperluan syarat Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu adalah dikecualikan bagi calon yang telah mengikuti pengajian dan telah memperolehi ijazah dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dan Swasta yang mana bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa kebangsaan.

18. Syarat Bahasa Inggeris

- (1) Pemohon bukan warganegara yang ingin mengikuti program pengajian ijazah di Universiti dan/atau menulis tesis atau disertasi dalam Bahasa Inggeris, dan yang memperoleh ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan adalah dikehendaki memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.
- (2) Pemohon bukan warganegara yang mengikuti program pengajian dan/atau menulis tesis atau disertasi dalam bahasa selain Bahasa Inggeris seperti Bahasa Melayu atau Bahasa Arab atau suatu Bahasa lain yang diluluskan oleh Senat yang berkaitan dengan bidang penyelidikannya dikehendaki memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa sebelum pengijazahan sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 1, Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2024.

BAHAGIAN VIII **KAEDAH PENILAIAN**

19. Penilaian

- (1) Penilaian hendaklah diadakan bagi program akademik seperti berikut tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2024:
 - (a) Penyelidikan
 - (b) Mod Campuran
 - (c) Kerja Kursus; dan
 - (d) Klinikal
- (2) Penilaian yang dijalankan oleh Universiti boleh dibuat secara peperiksaan akhir dan/atau penilaian berterusan serta kaedah penilaian lain sepertimana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.
- (3) Bagi program yang mempunyai standard dan/atau keperluan mematuhi badan profesional, kaedah penilaian hendaklah dibuat mengikut keperluan yang ditetapkan.

20. Jawatankuasa Pemeriksa

Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan hendaklah diadakan bagi setiap peperiksaan untuk setiap program akademik.

BAHAGIAN IX **PENGIJAZAHAN**

21. Syarat Pengijazahan

- (1) Calon boleh dianugerahkan ijazah yang berkenaan tertakluk kepada calon:
 - (a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;

- (b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk dianugerahkan Ijazah dan diluluskan oleh Senat; dan
 - (c) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- (2) Universiti berhak menahan pengurniaan ijazah sekiranya calon gagal menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun keputusan berhubung dengan pengijazahan seseorang calon, Universiti berhak untuk melucut penganugerahan ijazah seseorang calon jika Universiti berpuas hati bahawa calon tersebut telah terbukti melakukan perkara berikut:
- (a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan pengijazahan; dan/atau
 - (b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan ijazahnya.

BAHAGIAN X **AM**

22. Penamatan Pencalonan

Senat berhak menamatkan pencalonan seseorang calon yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

23. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

24. Pengecualian Pemakaian

Walaupun dinyatakan di bawah kaedah-kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian pemakaian mana-mana peruntukan kaedah-kaedah ini.

25. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

26. Pembatalan

Tertakluk kepada peruntukan Kaedah 1(3), Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2019 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 07.11.2024.

YBhg. Tan Sri Zarinah Anwar
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH KEDOKTORAN) 2024**

**JADUAL 1
(Kaedah 12)**

TEMPOH MINIMUM DAN TEMPOH MAKSIMUM BAGI PENGAJIAN SEPENUH MASA

1. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Falsafah

Tempoh minimum : 4 Semester
Tempoh maksimum : 12 Semester

2. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam

Tempoh minimum : 6 Semester
Tempoh maksimum : 12 Semester

3. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian

Tempoh minimum : 6 Semester
Tempoh maksimum : 12 Semester

4. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan

Tempoh minimum : 6 Semester
Tempoh maksimum : 12 Semester

5. Tempoh Pengajian Ijazah Kedokteran secara Klinikal di Fakulti Pergigian

Tempoh minimum : 6 Semester
Tempoh maksimum : 8 Semester

Nota:Tempoh minimum dan maksimum sesuatu program pengajian mengikut mod pengajian boleh berbeza dari yang dinyatakan di atas dan tertakluk kepada kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH KEDOKTORAN) 2024**

**JADUAL 2
(Kaedah 12)**

TEMPOH MINIMUM DAN TEMPOH MAKSIMUM BAGI PENGAJIAN SEPARUH MASA

1. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Falsafah

Tempoh minimum : 6 Semester
Tempoh maksimum : 16 Semester

2. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam

Tempoh minimum : 8 Semester
Tempoh maksimum : 16 Semester

3. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian

Tempoh minimum : 8 Semester
Tempoh maksimum : 16 Semester

4. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan

Tempoh minimum : 8 Semester
Tempoh maksimum : 16 Semester

5. Tempoh Pengajian Ijazah Kedokteran secara Klinikal di Fakulti Pergigian

Tempoh minimum : 8 Semester
Tempoh maksimum : 12 Semester

Nota:Tempoh minimum dan maksimum sesuatu program pengajian mengikut mod pengajian boleh berbeza dari yang dinyatakan di atas dan tertakluk kepada kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.